

PERATURAN PERMAINAN GOLF**1. Peraturan Teknikal****1.1 Peraturan Pertandingan**

- 1.1.1 Mengikut Undang-undang Antarabangsa serta Peraturan Kejohanan Golf IPT 2017 - SIRI yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan siri ini dan keperluan semasa jawatankuasa penganjur dari semasa ke semasa

1.2 Undang - undang permainan

- 1.2.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh 'The Royal And Ancient Golf Club Of St. Andrews' dan peraturan-peraturan tempatan (Local Rules) berkaitan, melainkan apa-apa kekecualian atau keputusan lain yang ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur.
- 1.2.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang Inggeris akan dipatuhi.

1.3 Perkara yang tidak dinyatakan

- 1.3.1 Rujuk PERKARA 1 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia SUKIPT IV.

1.4 Kelayakan Peserta

- 1.4.1 Rujuk PERKARA 3 Peraturan Am Sukan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia SUKIPT IV.
- 1.3.2 Pemain perlu mempunyai hadikap kad USGA atau pengesahan dari kelab atau pegawai sukan universiti;
- 1.3.2 (a) Setiap universiti boleh mendaftar sekurang-kurangnya seorang (1) peserta untuk setiap kategori individu lelaki dan wanita;
- 1.3.2 (b) Pihak universiti dibenarkan menghantar pemain yang merupakan "Pelajar Pertukaran" (Student Exchange) samada lelaki atau wanita; hanya bermain di dalam kategori jemputan.

2. Sistem Pertandingan**2.1 Sirkuit Golf IPT 2017**

- 2.1.1 Sistem pertandingan dijalankan secara stroke play 18 lubang bagi setiap sirkuit dan hanya kategori individu dipertandingkan
- 2.1.2 Pemenang bagi setiap kategori akan diberi pungutan mata berikut :
- | | | |
|------|---------|----|
| i. | Pertama | 10 |
| ii. | Kedua | 7 |
| iii. | Ketiga | 5 |
| iv. | Keempat | 3 |
| v. | Kelima | 2 |

2.2 Kejohanan Golf IPT (UKM) - Grand Final (SUKIPT 2018)

- 2.2.1 Sistem pertandingan dijalankan secara stroke play 54 lubang.
- 2.2.2 Pemenang bagi Grand Final ini juga menggunakan pakai pungutan mata mengikut 2.1.2 diatas
- 2.2.3 Penyertaan Minima bagi melayakkan diri ke Kejohanan Grand Final 2018 nanti adalah sebanyak 2 (DUA) SIRI yang dianjurkan.
- 2.2.4 Manakala jumlah peserta yang bakal berentap di Grand Final adalah 40 orang peserta serta tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- 2.2.5 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.

2.3 Susunan lapangan dan giliran pemain adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh jawatankuasa penganjur.

2.4 Jawatankuasa penganjur berhak mengubah susunan dan giliran permainan peserta-peserta sebelum pertandingan.

2.5 Peserta-peserta pertandingan hendaklah melapor diri 15 minit sebelum masa giliran permainan yang ditetapkan. Pemain yang melapor diri lewat dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaannya.

2.6 Sekiranya keputusan seri, untuk menentukan pemenang, akan ditentukan melalui OCB seperti berikut;

- 2.6.1 36 Lubang terakhir
- 2.6.2 18 lubang terakhir
- 2.6.3 9 lubang 6,3 dan 1 lubang terakhir (2nd nine)

2.7 Acara/Kategori yang dipertandingkan

- 2.7.1 Kategori Individu Lelaki Keseluruhan
- 2.7.2 Kategori Individu Wanita Keseluruhan
- 2.7.3 Kategori Individu Lelaki - Final
- 2.7.4 Kategori Individu Wanita - Final

2.8 Pakaian & Peralatan Pertandingan

- 2.8.1 Semua pemain mestilah berpakaian golf yang dibenarkan dengan kasut berpaku lembut.
- 2.8.2 Penganggar Jarak (Distance Measuring Device – DMD)

2.8.2.(a) Pemain dibenarkan menggunakan pakai alat pengukur jarak, terhad kepada jarak semata-mata. Jika pihak penganjur mendapati penyalahgunaan alat ini untuk menentu ukur ketinggian, kelembapan. Pihak penganjur berhak memberi keputusan yang sesuai dengan kesalahan mengikut peraturan sedia ada.

2.8.2 (b) Para pemain “dibenarkan” menggunakan telefon bimbit sepanjang pertandingan bagi menentukan jarak menggunakan “apps” untuk JARAK sahaja. Kegagalan mengikut peraturan, juga akan diambil tindakan seperti 2.8.2.(a) di atas.

2.9 Kuasa dan keputusan

Jawatankuasa penganjur akan melantik 3 orang pengadil pertandingan serta seorang ketua pengadil dan Keputusan pengadil ini hendaklah digunapakai bagi menyelesaikan masalah yang timbul semasa pertandingan berlangsung.

2.10 Keselamatan

Jawatankuasa penganjur, wakil atau ejennya tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta-peserta atau kehilangan dan kerosakkan harta benda semasa kejohanan ini berlangsung.

2.11 Bantahan/Rayuan

2.11.1 Rujuk kepada Peraturan SUKIPT 2018.

2.11.2 Penganjur juga berhak menetapkan Jawatankuasa Rayuan yang dianggotai oleh Ketua Pengadil, Ketua Sekretariat Penganjur, serta individu yang dirasakan perlu oleh Penganjur bagi mendengar dan memberikan keputusan terhadap rayuan tersebut.

2.12 Perkara yang tidak dinyatakan

2.12.1 Jawatankuasa penganjur mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang difikirkan wajar untuk menjayakan kejohanan ini.

2.12.2 Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dicatatkan di dalam peraturan ini adalah muktamad.

2.12.3 Yuran pertandingan (seorang) adalah seperti berikut :

i) Grand Final : RM 600.00 (termasuk buggy, makan sepanjang kejohanan, goodies)

3. Ringkasan Penyertaan

Bil	Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pegawai	Jumlah Keseluruhan
1	Individu	60	30	10	100

*Peserta mengikut kedudukan semasa Kejohanan Sirkuit Gof IPT yang dijalankan